



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

PELAKSANAAN SESI KICK-OFF BANCI EKONOMI 2026

JANUARI 2026

**Banci Ekonomi 2026 bakal meliputi 1.34 juta pertubuhan
perniagaan di Malaysia, termasuk 180,000 pertubuhan perniagaan
di Wilayah Persekutuan**

PUTRAJAYA, 5 JANUARI 2026 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) memaklumkan bahawa Banci Ekonomi 2026 (BE 2026) akan dilaksanakan di seluruh negara bermula 5 Januari hingga 31 Oktober 2026. Pemakluman ini turut disampaikan bersempena pelaksanaan program libat urus komuniti dan agensi di Pasar Tani Kekal, Presint 4, Wilayah Persekutuan Putrajaya, yang menjadi platform strategik bagi meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan penyediaan data ekonomi negara. Ia merupakan simbolik permulaan aktiviti banci di peringkat lapangan.

BE 2026 merupakan banci keenam sejak diperkenalkan pada tahun 2001 dan berfungsi sebagai sumber utama statistik struktur ekonomi negara. Banci ini bertujuan memperoleh maklumat yang holistik, komprehensif, relevan dan tepat pada masanya mengenai struktur serta ciri-ciri sektor ekonomi negara, merangkumi semua aktiviti ekonomi termasuk perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS), pertubuhan perniagaan, pertubuhan tidak berasaskan keuntungan serta sektor informal. Pelaksanaan BE 2026 meliputi lima sektor utama iaitu Perkhidmatan, Pembuatan, Pembinaan, Perlombongan & Pengkuarian serta Pertanian.

Dapatan BE 2026 akan menjadi input utama kepada pelbagai dasar dan agenda termasuk Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13), Pelan

Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030), agenda Ekonomi Digital, IR4.0, dasar fiskal dan monetari serta pelan pemerkasaan PMKS dan Bumiputera. Data ini membantu menilai keberkesanan dasar sedia ada serta mengenal pasti hala tuju baharu bagi pembangunan ekonomi yang inklusif dan mampan.

Maklumat komprehensif daripada BE 2026 amat penting bagi mengenal pasti sektor berpotensi tinggi dan aktiviti ekonomi baharu yang sedang berkembang pesat seperti ekonomi digital, *Internet of Things* (IoT), e-dagang, bioteknologi, tenaga boleh baharu, rangkaian industri minyak dan gas (OGSE), aktiviti penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih, keselamatan siber serta pelbagai segmen perkhidmatan profesional dan inovasi berasaskan pengetahuan.

Banci ini turut memberi tumpuan kepada landskap ekonomi baharu dalam memberi penekanan khusus kepada ekonomi rakyat termasuk perkhidmatan bergerak, platform gig, perniagaan mikro dan aktiviti perniagaan tidak formal. Buat pertama kalinya, banci ini akan meliputi sektor informal seperti penjaja makanan, peniaga pasar tani, kedai runcit kecil, pengusaha pengangkutan, homestay, pusat tuisyen, perniagaan mikro bergerak serta pelbagai aktiviti ekonomi sokongan yang beroperasi yang menyumbang secara signifikan kepada ekosistem ekonomi setempat dan di kawasan bandar terancang seperti Putrajaya.

Banci ini berperanan sebagai penanda aras baharu (*benchmark*) kepada penyusunan statistik ekonomi negara seperti Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) mengikut sektor dan industri, Jadual Input-Output (IO) serta pelbagai indeks utama industri dan harga. Di samping itu, BE 2026 akan mengemas kini siri statistik sedia ada termasuk nilai ditambah, guna tenaga, pelaburan, perbelanjaan modal dan struktur perbelanjaan sektor ekonomi. Statistik baharu juga akan dihasilkan selaras dengan perubahan landskap ekonomi termasuk tahap digitalisasi, automasi, penggunaan teknologi hijau, keselamatan siber dan amalan kelestarian.

Berdasarkan rekod terkini daripada *Malaysia Statistical Business Register* (MSBR), BE 2026 dijangka meliputi 1.34 juta pertubuhan di peringkat Nasional. Berdasarkan rekod terkini DOSM, pada tahun 2025 **pertubuhan mikro (74.3%), pertubuhan kecil (20.8%), pertubuhan sederhana (1.1%) dan pertubuhan besar (3.8%)**. Dari segi pecahan

mengikut sektor pula, Perkhidmatan mengungguli peratus tertinggi iaitu sebanyak 83.6 peratus (117,778), diikuti sektor Pembinaan, 8.8 peratus (74,308), sektor Pembuatan sebanyak 5.5 peratus (25,010), Pertanian 1.9 peratus (3,354) dan sektor Perlombongan & Pengkuarian 0.2 peratus.

Wilayah Persekutuan Putrajaya mempunyai struktur ekonomi yang didominasi oleh sektor perkhidmatan, khususnya perkhidmatan pentadbiran awam, profesional, pendidikan, kesihatan, hospitaliti, perniagaan sokongan serta aktiviti berkaitan ekonomi berasaskan pengetahuan. Komposisi perniagaan di Putrajaya turut merangkumi PMKS, perniagaan mikro dan aktiviti perkhidmatan informal yang menyokong fungsi Putrajaya sebagai bandar pentadbiran negara. Sebanyak 2,049 pertubuhan dijangka akan diliputi dalam BE 2026 di Putrajaya yang terdiri daripada pertubuhan **mikro (63.5%), pertubuhan kecil (25.3%), pertubuhan sederhana (1.3%) dan pertubuhan besar (10.0%)**. Dari segi pecahan mengikut sektor pula, Perkhidmatan mencatatkan peratus tertinggi iaitu sebanyak 86.3% (1,768), diikuti sektor Pembinaan sebanyak 10.3% (211), sektor Pembuatan sebanyak 3.0% (62) dan Pertanian sebanyak 0.4% (8).

BE 2026 akan menggunakan *Malaysia Standard Industrial Classification* (MSIC) 2025, bagi mencerminkan perubahan landskap ekonomi negara termasuk kemunculan industri berasaskan inovasi, tenaga lestari, teknologi maklumat dan ekonomi digital. Klasifikasi ini adalah selaras dengan versi terkini *International Standard Industrial Classification of All Economic Activities (ISIC), Revision 5*. MSIC 2025 merupakan kerangka standard baharu bagi pengelasan jenis aktiviti ekonomi di Malaysia yang akan menggantikan klasifikasi MSIC 2008 Versi 1.0 yang telah digunakan sejak 17 tahun lalu.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia, berkata, "Pelaksanaan Banci Ekonomi 2026 ini dilaksanakan mengikut tiga (3) Fasa iaitu Fasa Pertama, bermula pada 5 Januari sehingga 28 Februari 2026, melibatkan pengumpulan data bagi pertubuhan sektor informal dan mikro, Fasa Kedua, 1 Mac hingga 30 Jun 2026 merupakan tempoh utama pengumpulan data bagi pertubuhan mikro, kecil dan sederhana dan Fasa Ketiga, 1 Jun hingga 31 Oktober 2026 melibatkan pertubuhan sederhana dan besar.

Pengumpulan data bagi pelaksanaan aktiviti banci ini akan menggunakan kaedah temuramah secara bersemuka, dalam talian dan melalui pos. Bagi pelaksanaan Fasa Satu pengumpulan data akan melibatkan proses menemuduga secara bersemuka menggunakan kaedah borang soal selidik dan melalui sistem e-Mikro. Sementara itu, Fasa Kedua dan Fasa Ketiga pula akan menggunakan pengisian borang secara dalam talian (e-BE), penghantaran borang melalui pos, komunikasi menggunakan e-mel atau telefon, serta temu ramah secara bersemuka.

Selaras dengan tema “Data Nadi Ekonomi Rakyat”, DOSM menyeru semua pertubuhan perniagaan dan pertubuhan tidak berasaskan keuntungan di seluruh Malaysia termasuk Wilayah Persekutuan untuk memberikan kerjasama penuh sepanjang tempoh banci dilaksanakan bagi memastikan keberhasilan statistik yang berkualiti demi perancangan dan pembangunan ekonomi negara.

OpenDOSM NextGen merupakan platform data terbuka Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) yang menyediakan katalog data berstruktur serta visualisasi analitik interaktif bagi menyokong proses penerokaan, analisis dan interpretasi statistik rasmi. Platform ini membolehkan pengguna mengakses, mengekstrak dan memanfaatkan pelbagai set data merangkumi aspek demografi, sosial dan ekonomi melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dikeluarkan oleh:

**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
WILAYAH PERSEKUTUAN
5 JANUARI 2026**